

# Mengukur Keberkesanan Kelas Pendidikan Muallaf: Kemahiran Guru Dan Kesan Program Mentor Melalui Pendekatan Kaunseling Dan Motivasi

Mohd Afandi bin Mat Rani<sup>1\*</sup>, Muhammad Syahrul Deen Ahmad Rosli<sup>1</sup>, Murihah Abdullah<sup>2</sup>, Siti Sarah Izham<sup>1</sup>, Shahirah Said<sup>3</sup>, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif<sup>1</sup>, Faezy Adenan<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Academy of Islamic Contemporary Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor. mohdafandi@uitm.edu.my, syahruldeen@uitm.edu.my, , sarahizham@uitm.edu.my, izzatamsyar@uitm.edu.my, faezyadenan@uitm.edu.my

<sup>2</sup>Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris 35900 Tanjong Malim, Perak. murihah16@gmail.com

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh, 13500 Permatang Pauh Pulau Pinang. shahirah4572@uitm.edu.my

\*Corresponding Authors

Received: 5 Januari 2022

Accepted: 25 April 2022

Online First: 27 May 2022

**Abstrak:** Program pementoran telah lama menjadi perhatian di kalangan ahli akademik dan industri sebagai program untuk pembangunan profesional dan pembentukan peribadi cemerlang. Mentor adalah bertindak sebagai kanselor, pembimbing, juru latih kepada setiap mentee. Dalam memperkasa pendidikan agama saudara baru, program mentor sangat penting dilaksanakan bagi membolehkan seseorang pelajar saudara baru mendapatkan nasihat dan bantuan yang diperlukan. Objektif kajian ini adalah untuk mengukur keberkesanan kelas pendidikan saudara baru melalui program mentor-mentee yang dilaksanakan oleh para pembimbing saudara baru. Seterusnya mengkaji fungsi psikososial mentor dalam memberi sokongan berbentuk kanseling dan motivasi kepada mentee. Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kuantitatif dan memperoleh data dengan persampelan bertujuan. Kaedah meneroka faktor ini dibuat melalui regresi linear berganda. Data yang diperlukan untuk kajian ini dikumpulkan dari Majlis Agama Islam Negeri (SIRC) di Kuala Lumpur, Malaysia. Tinjauan dijalankan dengan borang soal selidik pada sesi kelas menggunakan sampel reka bentuk tinjauan. Soal selidik yang dirancang telah diedarkan ke seluruh populasi sasaran 244 responden melalui pengurusan sendiri. Data dianalisis menggunakan Partial Least Squares-Structural Equation Modeling (PLS-SEM) melalui instrumen tinjauan dengan soalan pilihan Likert lima mata, dengan analisis jujukan dua langkah PLS. Hasil kajian mendapati bahawa kemahiran guru, pendekatan motivasi mentor dan kepuasan pelajar mempunyai hubungan yang positif dan suasana mentoring yang lestari di dalam pengetahuan dan pembelajaran peserta di kalangan kelas saudara baru. Kajian ini juga mendapati bahawa pendekatan motivasi mentor menjadi faktor pencelah yang signifikan antara kemahiran guru dan kepuasan pelajar di dalam kelas tersebut.

**Kata kunci:** Kemahiran Guru, Kaunseling, Motivasi, Muallaf, Pendidikan.

## Measuring The Effectiveness Of Revert Education Classes: Teacher Skills And The Effect Of Mentor Programs

**Abstract:** Mentoring programs have long been a concern among academics and industry as programs for professional development and excellent personal formation. The mentor is acting as chancellor, counselor, coach to every mentee. In empowering the religious education of new brothers, mentoring programmes are essential to be implemented to enable a new student to get the advice and assistance needed. The objective of this study was to measure the effectiveness of new sibling education classes through mentor-mentee programmes implemented by new brother mentors. Next study the psychosocial

function of the mentor in providing chancellory support and motivation to the mentee. The study used quantitative research design and obtained data with purposeful sampling. This method of exploring factors is made through double linear regression. The data required for this study was collected from the State Islamic Religious Council (SIRC) in Kuala Lumpur, Malaysia. Surveys are conducted with questionnaires at the class session using survey design samples. The planned questionnaire was distributed throughout the target population of 244 respondents through self-management. The data were analyzed using Partial Least Squares-Structural Equation Modeling (PLS-SEM) through a survey instrument with a five-point Likert preferred question, with an analysis of the PLS two-step sequence. The results of the study found that teacher skills, mentor motivational approach and student satisfaction had a positive relationship and a sustainable mentoring atmosphere in the knowledge and learning of participants among the new sibling class. The study also found that the mentor's motivational approach was a significant factor between teacher skills and student satisfaction in the classroom.

**Keywords:** Teacher Skills, Counseling, Motivation, Muallaf, Education.

## **1. Pendahuluan**

Peranan guru sebagai pembimbing adalah penting mempunyai penguasaan dalam ilmu asas Islam berasaskan latar belakang pendidikan serta pengalaman mengajar bagi membina kefahaman muallaf (Ahmad et al., 2017). Kefahaman yang mendalam terhadap ilmu yang dimiliki akan menghasilkan tindakan yang positif kepada individu pelajar (Murihah et al., 2016). Bagi golongan muallaf, sebahagian besar daripada mereka Muallaf menganut agama asal disebabkan tidak mendapat bimbingan yang sewajarnya. Terdapat segelintir muallaf yang masih mengamalkan gaya hidup agama asal dan tidak mengamalkan Islam dalam kehidupan seharian. Oleh itu, program mentoring antara pelajar dan guru yang dilakukan secara sistematik adalah amat signifikan bagi menjamin kelestarian kehidupan beragama (Ahmad et al. 2017).

Dalam hal ini, pendidikan asas agama menjadi keutamaan dan sangat penting dalam membentuk personaliti muallaf yang cemerlang dalam kehidupan (Fakhrul Adabi, et.all 2012). Bagi membentuk peribadi muallaf yang sentiasa melazimi kehidupan beragama, maka bimbingan dalam pendidikan akidah kepada golongan muallaf adalah amat penting. Kelemahan asas akidah menyebabkan kehidupan muallaf menjadi keliru dan sukar mengamalkan ajaran Islam. Hal ini membuka ruang kepada muallaf untuk cenderung kembali menganut agama asal (Ahmad et al., 2017).

Bermula daripada pendidikan asas agama di peringkat awal sebagai dasar yang kukuh kepada diri muallaf, pembelajaran yang terbina dalam diri mereka akan memberi kesan berpanjangan ketika kembali bergaul dengan masyarakat. Begitu juga jika bergelar sebagai pekerja, pendidikan asas agama tersebut menjadi amalan dalam kehidupan bekerja. Kemahiran insaniah sangat penting untuk diterapkan dan diberi penekanan kepada golongan muallaf. Kemahiran tersebut dapat dipupuk menerusi aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan kokurikulum dalam modul bersama dengan guru pembimbing (Murihah et al, 2016).

## **2. Sorotan Literatur**

### **2.1 Peranan Guru Sebagai Pembimbing Profesional**

Guru adalah aset yang sangat penting dalam dunia pendidikan dan guru mempunyai tugas yang sangat besar dalam melahirkan anak-anak bangsa yang berguna. Peribadi seorang guru juga memainkan peranan yang sangat penting dalam dunia pendidikan kerana guru akan menjadi ikutan atau teladan kepada para murid (Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2007). Peranan guru masa kini semakin mencabar. Mereka bukan sahaja memainkan peranan utama sebagai penyampai ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar, malah bertanggungjawab menyuburkan minat, memperkembangkan bakat dan kebolehan pelajar-pelajar. Guru juga merupakan sumber untuk membina daya pemikiran yang analitikal, kritikal dan kreatif bagi membentuk individu-individu yang boleh menyesuaikan diri dengan

perubahan yang berlaku disekeliling mereka selaras dengan hala tuju sistem pendidikan (Saedah Siraj & Mohammed Sani Ibrahim, 2012).

Bagi pendidikan muallaf, profesionalisme dan kompetensi guru sangat diperlukan dalam proses memberikan pendidikan kepada para muallaf. Istilah profesional pada umumnya adalah seseorang yang mendapat upah atau gaji dari apa yang dikerjakan, baik dikerjakan secara sempurna mahupun tidak (Martini Yamin, 2007). Walau bagaimanapun, apabila disebut sebagai guru profesional ia ditunjang oleh suatu ilmu yang tertentu secara mendalam yang hanya mungkin diperolehi dari lembaga pendidikan yang sesuai sehingga kerjanya didasarkan kepada keilmuan yang dimilikinya yang dapat dipertanggungjawabkan secara ilmiah (Wina Sanjaya, 2008). Dengan itu, seseorang guru pembimbing muallaf mestilah memiliki kemampuan khusus, kemampuan yang tidak mungkin dimiliki oleh orang yang bukan guru sebagaimana pandangan Cooper (1990) berkaitan dengan guru "a teacher is a person fragmented person with the power of helping others to learn and behave differently".

Sebagai tonggak kepada sistem pendidikan, guru merupakan pelaksana segala dasar dan matlamat kurikulum yang telah digariskan. Tanpa penglibatan dan sokongan kaum guru, segala perancangan pendidikan yang telah disediakan akan terbengkalai begitu sahaja. Justeru itu, kualiti bidang perguruan adalah aspek yang signifikan bagi menjamin kegemilangan sesebuah negara. Guru merupakan pelaksana kurikulum dan menjadi teras dalam menentukan piawaian, mutu dan keberkesanan sistem pendidikan. Pendidikan pula merupakan proses penyampaian ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperturunkan dari satu generasi kepada satu generasi yang lain (Othman, 2007). Dalam pendidikan muallaf, peranan guru yang kompeten dan terlatih sangat penting sebagai pembimbing adalah faktor utama dalam memperkasa pendidikan muallaf. Sekalipun modul dan kurikulum yang baik, namun sekiranya guru yang tidak terlatih, tidak mempunyai kelayakan dalam pengajaran dan pembelajaran, tidak mempunyai ilmu yang mencukupi sudah semestinya objektif pendidikan muallaf tidak akan tercapai.

## **2.2 Teknik Kemahiran Guru dalam Pendidikan Muallaf**

Kaedah pembelajaran dan pengajaran tenaga pengajar memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej Islam kepada saudara baru. Kepelbagaian kaedah atau metod pembelajaran dan pengajaran adalah bergantung kepada tahap kesesuaian pelajar muallaf (Noraini Mohamad & Mariam Abd Majid, 2017) perlu dititikberatkan dalam menyampaikan dakwah pembelajaran muallaf. Menurut kajian Noor Amani Mohamed Hussin et. al, (2011) dalam melahirkan tenaga pengajar yang berkualiti dan efektif, organisasi berwajib sewajarnya memberikan penekanan kepada penyediaan latihan yang lengkap.

Kaedah pengajaran atau disebut juga sebagai pedagogi diertikan sebagai kemahiran mengajar yang digunakan oleh guru untuk menyampaikan pengajaran dan pembelajaran, khususnya dalam suatu bidang. Pengetahuan Pedagogi merupakan suatu kepercayaan yang mampu mempengaruhi pelaksanaan kurikulum di samping dapat mencerminkan perwatakan seorang guru dalam melaksanakan proses PdP (Nurul Ashikin Md. Yatim et. al, 2020).

Kajian Mohd Azmi Mat Sah dan Maimunah Ismail (2003) menjelaskan peranan tenaga pengajar supaya mengaplikasikan teknik penyampaian yang dapat menarik para pelajar. Sebagai contoh memulakan sesi pembelajaran dengan menjelaskan perkara yang menarik boleh minat pelajar, kemudian memulakan pengajian khususnya yang berkaitan dengan kandungan pelajar agama. Aqilah Binti Haji Abd Halim & Hasanah Abd Khafidz (2018), telah mencadangkan teknik bercerita dapat menarik minat muallaf dalam pembelajaran. Teknik bercerita ini juga merupakan metod yang digunakan oleh Rasulullah saw dalam menyampaikan dakwah baginda sehingga menimbulkan minat di kalangan sahabatnya (Mohd Rashidi bin Omar et. al., 2014). Teknik ini secara tidak langsung dapat menarik minat muallaf untuk berkongsi pengalaman atau masalah masing-masing yang mereka hadapi. Selain itu, guru pembimbing sewajarnya mengkaji secara terperinci tentang latar belakang setiap pelajar terlebih dahulu. Aspek ini penting bagi mewujudkan pembelajaran yang baik kepada pelajar muallaf (Azmi Mat Sah & Jamaliah (2003).

Menurut Lucas dan Bernstein (2005), terdapat beberapa ciri guru yang berkesan iaitu melayani pelajar dengan perasaan hormat, menyediakan maklumat yang relevan dan sesuai dipelajari, pengajaran secara aktif, ikut serta dalam pembelajaran pelajar secara praktikal, kaedah pengajaran yang berbeza-beza, memberikan maklum balas yang kerap kepada pelajar mengenai prestasi mereka, mengenalkan

dunia sebenar, memberikan gambaran atau penerangan yang jelas untuk tugas, mewujudkan persekitaran kelas yang selesa untuk pelajar, berkomunikasi dengan pelajar-pelajar dari pelbagai peringkat, memperkenalkan diri mereka di dalam kelas sebagai "orang sebenar atau diri mereka yang sebenar", menggunakan maklum balas daripada pelajar-pelajar dan orang lain untuk menilai dan memperbaiki pengajaran mereka, membuat refleksi pada prestasi kelas mereka sendiri dalam usaha untuk memperbaiki mutu pengajaran (Kamarul Azmi Jasmi et al., 2012). Justeru, ciri-ciri guru pembimbing muallaf perlu memiliki kemahiran yang tinggi untuk menjadi seorang mentor yang berjaya melahirkan para muallaf dalam setiap ilmu yang diajari.

Guru juga perlu menyantuni percakapan mereka dalam berinteraksi dengan muallaf. Para guru perlu mempunyai ilmu psikologi dengan menggunakan teknik laras bahasa yang lebih mudah dan senang difahami pelajar. Guru pembimbing muallaf digalakkan menguasai beberapa bahasa lain selain daripada bahasa Melayu seperti Cina, India dan Inggeris. Berdasarkan kajian, kaedah pengajaran muallaf di PERKIM IDIP, metod pembahagian secara berkumpulan ketikadi dalam kelas, sedikit sebanyak dapat membantu pelajar secara tidak langsung meningkatkan tahap keyakinan seseorang muallaf (Noraini Mohamad et. al., 2017).

### **2.3 Keberkesanan Program Motivasi dan Permentor**

Program pementoran dalam pendidikan muallaf sangat penting untuk dilaksanakan oleh pihak institusi pendidikan. Proses pementoran adalah dikendalikan oleh seorang mentor yang lazimnya lebih berpengalaman dan berpengetahuan berbanding mentee. Perhubungan antara mentor dengan mentee ini bertujuan untuk membantu mentee memperoleh maklumat yang diperlukan. Ia sama ada berbentuk perkongsian pengetahuan, cadangan atau solusi terhadap sebarang isu yang diperlukan oleh mentee. Pementoran memainkan peranan yang penting untuk mengembangkan potensi diri mentee dan menggalakkan daya inovasi. Aspek inovasi kini telah giat dibincangkan dalam pelbagai kajian, termasuklah dalam bidang pendidikan (Amelia Adam, 2020). Pementoran adalah suatu proses di mana individu yang lebih berpengalaman bertindak sebagai kaunselor, pembimbing, tutor atau jurulatih kepada individu yang tidak berpengalaman dalam sesuatu bidang tertentu (Rekha & Ganesh, 2012; Azman et al., 2013; Kram, 1985; Nor Ain et al., 2015).

Fokus utama program pementoran adalah untuk melatih dan membangunkan sahsiah mentee terutamanya dalam bidang kerjaya dan psikososial mentee seperti pengetahuan, kemahiran terkini, kebolehan baharu, sikap positif dan keperluan semasa supaya mereka berupaya meningkatkan daya saing diri, mengurus peluang dan masalah dengan berhemah. Selain itu mereka dapat memberi respon terhadap pelbagai cabaran dalam persekitaran dalaman dan luaran organisasi secara berterusan (Rekha & Ganesh, 2012; Kram, 1985). Program pementoran perlu dilihat sebagai kaedah paling berkesan dalam mendidik para muallaf. Ini kerana melalui program pementoran ini mampu membawa para muallaf mengenal Islam seterusnya mengamalkan Islam dengan lebih baik hasil bimbingan secara langsung dan berterusan bersama mentor.

Sebagai contoh, Wong Su Houg & Nur Ain Elzira Abdullah (2018) dalam kajiannya yang bertajuk bimbingan dan pementoran pembimbing pakar peningkatan sekolah (SISC+) perspektif menurut guru dibimbing (GDB) dalam program Transformasi Sekolah. Kajian yang dilakukan melibatkan empat buah sekolah di daerah Kapit Sarawak mendapati program pementoran sangat berkesan. Program bimbingan dan pementoran ini memudahkan pengajaran dan pembelajaran serta menjadikan pengajaran ini lebih efektif kreatif dan inovatif. Peranan pembimbing sebagai model dan mentor. Guru pembimbing dianggap sebagai model dalam setiap aspek pengurusan pengajaran.

Kajian yang sama dilakukan oleh Wan Fadhlurrahman W. Md Rasidi et. al (2020) tentang coaching dalam pengajaran dan pembelajaran professional guru. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan pengajaran pembelajaran professional guru melalui kaedah coaching. Data analisis diperoleh melalui edaran soal selidik kepada 200 orang guru di daerah Kuala Muda/ Yan, Kedah. Hasil kajian mendapati sistem coaching ini berkesan berdasarkan keputusan analisis yang dijalankan mendapati tahap amalan serta pelaksanaan pembelajaran profesional guru dalam kelas adalah positif.

Seterusnya kajian yang ditulis oleh Syed Ismail Syed Mustapa (2013) membincangkan amalan dan pendekatan bimbingan pengajaran pensyarah dalam program mentoring praktikulum serta impaknya terhadap kualiti guru pelatih. Instrument soal selidik digunakan ke atas pensyarah dan guru

pembimbing. Hasil Analisa mendapati bahawa terdapat enam aspek amalan bimbingan pengajaran oleh pensyarah dan guru pembimbing iaitu perancangan, pengajaran, sikap dan sahsiah, nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini dapat dilihat bahawa amalan bimbingan atau pendekatan yang dijalankan memberi impak kepada kemenjadian guru pelatih bagi aspek kemahiran mengajar. Aspek pendekatan pengajaran dan pembelajaran perlu ditekankan dalam kalangan pendidik agar pembelajaran yang dilaksanakan lebih produktif dan berkesan.

Terdapat 11 elemen bagi memastikan keberkesanan program pementoran khususnya dalam bidang pendidikan. Namun yang paling diberi tumpuan utama para penulis ialah hubungan yang aktif antara mentor dengan mentee seperti yang dibincangkan oleh Amelia Adam, (2020) dan Sabariah Jusoh (2018). Selain itu, mentor dan mentee bersama-sama mempelajari perkara baru seperti aplikasi teknologi yang semakin pantas serta bersifat kompleks. Ini juga merupakan keperluan semasa bagi berdepan dengan revolusi perindustrian 4.0. Inovasi dalam pendidikan menuntut seseorang individu untuk melengkapkan diri dengan ilmu, kemahiran serta lain-lain lagi. Mentor juga perlu sentiasa memberikan dorongan yang berterusan agar mentee supaya mengembangkan potensi dirinya melalui perkongsian maklumat, kepakaran dan sebagainya (Amelia Adam, 2020).

Dalam istilah lain, ia juga merujuk kolaborasi yang berlaku antara mentor dengan mentee. Dalam bidang pendidikan, kolaborasi ini membolehkan diskusi yang aktif berlaku untuk menjana perubahan dan pertumbuhan dalam proses pembelajaran dan pengajaran (Salwati Shafee, Zuraidah Abdullah & Simin Ghavifekr, 2019; Sabariah Jusoh, 2018). Namun begitu, menurut Jean Rhodes yang dipetik oleh Gail Manza (2008) bahawa hubungan baik dan kolaborasi antara mentor dan mentee perlu bermula daripada peringkat awal pelaksanaan program bagi mengelakkan program pementoran berhenti separuh jalan.

Terdapat pelbagai kesan positif hubungan baik antara mentor dan mentee antaranya mentor dapat memantau, memberi sokongan, mentaksir perkembangan sepanjang aktiviti pementoran serta dapat memahami sebaik mungkin permasalahan atau isu yang sedang berlaku dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran menteenya (Ismail Mohamed, Soaib Asimiran, Shamsudin Ahmad & Shafee Mohd Daud, 2014; Sabariah Jusoh, 2018; Nor Asimah Zakaria, 2010). Secara lebih khusus Nor Asimah Zakaria, 2010 menjelaskan mentor perlu memberi bimbingan yang kerap dalam persediaan mengajar, penyampaian isi pelajaran dan penilaian pengajaran serta peningkatan profesionalisme keguruan (Wong Su Huong & Nur Ain Elzira Abdullah, 2018; Peter Hudson, 2013).

Seterusnya elemen kepercayaan yang jitu antara mentor dengan mentee semasa proses bimbingan dijalankan. Kepercayaan melibatkan komunikasi yang berkesan antara dua hala antara mentor dengan mentee. Selain menyediakan persekitaran dan yang selamat dan selesa, mentor perlu mengekalkan kerahsiaan serta menjaga integriti sepanjang proses bimbingan dan pementoran dijalankan. Sebagai timbal balik, mentee juga menghormati dan memberi kepercayaan terhadap profesion individu yang dilantik sebagai mentor atau pembimbing (Salwati Shafee, Zuraidah Abdullah & Simin Ghavifekr, 2019; Sabariah Jusoh, 2018). Hal ini juga berkait rapat dengan mentor berjaya menjadikan dirinya sebagai individu yang boleh dicontohi dan sentiasa dijadikan rujukan oleh mentee. Dalam profesion perguruan, seseorang mentor sentiasa berupaya mendidik dan membimbing dalam pelbagai aspek seperti komunikasi, membina kepakaran, membina keyakinan, memberi tunjuk ajar, latihan pengajaran serta pembentukan personaliti sebagai seorang guru (Nor Asimah Zakaria, 2010; Wong Su Huong & Nur Ain Elzira Abdullah, 2018; Noor Saliza Zainal, Zanirah Mustafa, Nor Asmira Mat Jusoh; Nurul Hidayah Awang @ Ab Rahman & Nurul Izzah Noor Zainan, 2019).

Bagi menjadi kejayaan kerjaya sebagai seorang guru, proses bimbingan atau pementoran ini juga memerlukan inisiatif khusus dalam sokongan maklumat berkenaan dengan pendidikan, pengajaran, pembangunan psikologi serta lain-lain lagi yang disediakan oleh mentor. Menurut Nur Ain Abdullah, Azman Ismail, Azmawaty Mohamad Nor, Norhafizah Abu Hasand & Oswatun Samate (2020), elemen ini menunjukkan bahawa keupayaan mentor dalam melaksanakan peranannya iaitu memberi bimbingan yang baik kepada mentee dalam menguruskan kerja hakiki. Mentor juga berperanan menerangkan dan memberi tunjuk-ajar kepada mentee agar fungsi kerjaya psikosialnya dapat ditingkatkan (Salwati Shafee, Zuraidah Abdullah & Simin Ghavifekr, 2019; Sabariah Jusoh, 2018). Menurut Noor Azlan Ahmad Zanzali & Lim Wee Mei (2017) pula, bimbingan mentor adalah bermakna dan membantu dalam meningkatkan strategi dan kemahiran mengajar dalam kalangan guru yang dibimbing semasa menjalani latihan mengajar.

Proses pementoran akan lebih berjaya dan berkesan jika sesi refleksi pengajaran dimanfaatkan sebaik mungkin. Refleksi dalam konteks ini merujuk proses mentor memberi maklum balas, komen, kritikan, cadangan serta lain-lain terhadap mentee selepas sesi pengajaran dilakukan oleh mentee. Hal ini dapat memberi peluang kepada mentee bagi mengenal pasti kekurangan, kelemahan serta memudahkan penambahbaikan sesi pengajaran (Peter Hudson, 2013; Wong Su Huong & Nur Ain Elzira Abdullah, 2018; Sabariah Jusoh, 2018). Bagi jangka masa panjang, proses pementoran berjaya membantu mentee yang dibimbing mampu melakukan refleksi sendiri. Hal ni dapat menghasilkan kesedaran dalaman dan tindak balas yang lebih efisien. (Ismail Mohamed, Soaib Asimiran, Shamsudin Ahmad & Shafee Mohd Daud, 2014; Sabariah Jusoh, 2018).

Seterusnya, terdapat kajian yang dilakukan oleh Sabariah Jusoh (2018) yang menganalisis persepsi guru-guru yang dibimbing oleh Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah atau School Improvement Specialist Coaches (SISC). Ia merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan dalam melahirkan lebih ramai golongan pendidik berkemahiran tinggi yang mampu mendepani isu-isu semasa. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa program pementoran tersebut berjaya meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap diri masing-masing. Sekali gus dapat menonjolkan tahap profesionalisme sama dalam kalangan mentor atau mentee itu sendiri (Nor Asimah Zakaria, 2010).


## 2.4 Pendekatan Kanseling dan Motivasi dalam Pendidikan

Pendekatan menggunakan kaedah kaunseling dalam pendidikan terhadap muallaf sangat penting. Kajian yang dijalankan oleh Nor Adibah Ibrahim dan Razaleigh Muhamat @ Kawangit (2015) yang bertajuk Keperluan Modul Kaunseling Standard Kepada Muallaf di Malaysia bertujuan untuk mengenalpasti keperluan modul kaunseling kepada muallaf di Malaysia. Kajian ini melibatkan 600 orang muallaf dari beberapa kawasan yang terpilih. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap kesediaan kaunselor terhadap proses kaunseling adalah di tahap yang tidak memberangsangkan. Kaunselor tidak mempunyai persiapan yang mencukupi kerana tidak ada latihan atau panduan khas untuk mengendalikan kaunseling khusus untuk klien muallaf. Melalui kajian ini mendapati majoriti golongan muallaf bersetuju dengan pelaksanaan cadangan modul yang dicadangkan yang sangat sesuai kepada mereka yang baru memeluk Islam dan mereka berdepan dengan kehidupan yang serba baru. Mereka menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan yang menggugat keimanan mereka terhadap Islam.

Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Mohamed Hamdan Abdullah et. al (2018) yang berkaitan hubungan konsep motivasi dengan konsep al-Targhib (menggembirakan) dan al-Tarhib (menggerunkan) yang boleh diaplikasi kepada remaja ke arah meningkatkan kehidupan beragama dan mencegah mereka daripada terlibat dalam salah laku. Kajian ini mendapati bahawa konsep *Tarhib* dan *Tarhib* mempunyai persamaan dengan teori motivasi. Konsep motivasi dalam pendekatan dakwah sangat membantu dan mendorong remaja menjadi seorang manusia yang bersahsiah serta membentuk diri mempunyai akhlak yang baik. Pendekatan tarhib dan targhib merupakan pendekatan yang berkesan bersesuaian dengan fitrah manusia.

Sehubungan dengan itu, pendekatan kaunseling dan motivasi sangat penting digunakan dalam pendidikan muallaf. Ini selaras dengan cabaran dalaman dan luaran yang dihadapi oleh para muallaf yang baru memeluk Islam. Maka para guru semestinya perlu mempunyai kemahiran kaunseling dan motivasi agar bimbingan kepada muallaf dapat dilaksanakan.

Rajah 1: Rangka kerja konseptual



Daripada rangka kerja konseptual dalam rajah 1.0, terdapat tiga hipotesis kajian ini yang diwujudkan melalui hubungan setiap konstruk iaitu:

*H1: Kualiti pendekatan motivasi mempunyai kesan terhadap kepuasan pelajar dalam kelas bimbingan Mualaf.*

*H2: Kualiti pendekatan motivasi mempunyai kesan terhadap kemahiran guru dalam kelas bimbingan Mualaf*

*H3: Kemahiran guru mempunyai kesan terhadap kepuasan pelajar dalam kelas bimbingan Mualaf.*

### **3. Metodologi**

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kuantitatif dan mendapatkan data dengan persampelan kebarangkalian bersistematik. Persampelan jenis ini digunakan dengan ideal untuk mengenal pasti fenomena yang berlaku dalam sekumpulan orang atau subjek dengan ciri-ciri tertentu yang diperlukan dalam penyelidikan (Etikan & Babatope, 2019). Kaedah meneroka faktor ini dibuat melalui regresi linear berganda. Data yang diperlukan untuk kajian ini dikumpulkan daripada Majlis Agama Islam Negeri (SIRC) di Kuala Lumpur, Malaysia. Kaji selidik ini dijalankan melalui borang soal selidik dalam sesi kelas Mualaf menggunakan persampelan reka bentuk kaji selidik. Soal selidik yang direka telah diedarkan di seluruh populasi sasaran 244 responden melalui pengisian sendiri ( $n = 244$ ). Data dianalisis menggunakan Pemodelan Separa Struktur (PLS-SEM). Kajian ini memperoleh data melalui instrumen kaji selidik dengan soalan pilihan Likert lima mata. Soal selidik skala likert adalah jenis instrumen yang paling banyak digunakan untuk mengukur pembolehubah afektif dalam fenomena masyarakat, persepsi pengguna, dan pengurusan organisasi. Instrumennya paling sering digunakan untuk mengukur konstruk psikologi (Messick, 1989). Manakala dalam analisis kajian, kaedah penilaian terhadap setiap pengujian hipotesis akan diukur dengan nilai T dan nilai P masing-masing pada ambang nilai  $T=1.96$  dan nilai  $P=0.05$ . Kedua-dua ambang nilai tersebut adalah berfaktorkan kepada sisihan ralat populasi minimum sebanyak 0.5%, sebagaimana kebiasaan dalam kajian sains sosial dan fenomena masyarakat (Hair et al., 2019; Sarstedt et al., 2021).

### **4. Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Kajian ini menggunakan pendekatan separa-kurangnya squares (PLS) (Hair et al., 2011) untuk memeriksa model teori menggunakan perisian Smart-PLS versi 3.2.0. PLS-SEM boleh mengubah model kompleks dengan pelbagai pembolehubah terpendam dan nyata tanpa kerumitan isu anggaran (Hair et al., 2011; Sarstedt et al., 2014), dan dengan itu pemodelan laluan PLS dianggap bermanfaat secara metodologi berbanding teknik pemodelan lain (Astrachan et al., 2014). Analisis model PLS termasuk dua peringkat: anggaran model pengukuran dan ujian model struktur. Untuk mengkaji secara empirikal rangka kerja teori yang dikenal pasti dalam Rajah 1.0, PLS-SEM digunakan menggunakan PLS untuk menilai model pengukuran dan struktur untuk model pengukuran reflektif.

Dalam PLS-SEM, konstruk kesahan adalah penting kerana ia menunjukkan pengukuran yang mencukupi bagi semua konstruk (Bandalos, 2018; Harga, 2017). Ini boleh dinilai oleh kesahan konvergen (iaitu, Varians Purata Diekstrak (AVE)) dan membina kebolehpercayaan<sup>3</sup> (Hair et al., 2017; Henseler et al., 2017). Pertama, kajian berasaskan reflektif ini menilai model pengukuran konstruk, iaitu kesahan konvergen, kebolehpercayaan, dan kesahihan yang mencemarkan. Kesahan konvergen boleh ditentukan jika pemuatan lebih besar daripada 0.5 (Hair, et al., 2010). Manakala, kebolehpercayaan komposit yang biasanya dikira bersama-sama dengan pemodelan persamaan struktur adalah lebih besar daripada 0.7 (Bacon, 1995; Gefen, Straub, & Boudreau, 2000), dan varians purata yang diekstrak lebih besar daripada 0.5 (Fornell & Larcker, 1981).

**Jadual 1: Reliability and validity**

	<b>Alpha Cronbach</b>	<b>Composite Reliability</b>	<b>Average varians extracted (AVE)</b>
<b>Pendekatan Motivasi</b>	<b>0.712</b>	<b>0.839</b>	<b>0.637</b>
<b>Kepuasan Pelajar</b>	<b>1.000</b>	<b>1.000</b>	<b>1.000</b>
<b>Kemahiran Guru</b>	<b>0.825</b>	<b>0.884</b>	<b>0.656</b>

Berdasarkan jadual 1.0, Alpha Cronbach berkisar antara 0.712 - 0.825, menunjukkan nilai tinggi yang diperlukan di atas 7.0 (Carmines dan Zeller, 1979). Kebolehpercayaan komposit berkisar antara 0.839 - 1.00, dan AVE berkisar antara 0.637 - 1.00. Analisis kebolehpercayaan menunjukkan ambang nilai masing-masing setanding dengan nilai minimum yang diperlukan untuk setiap konstruk, mencerminkan konsistensi yang tinggi dan kebolehpercayaan konvergen setiap model luar.

Selepas mengesahkan kesahihan konvergent, kesahihan yang mencemarkan dianggarkan seperti yang dicadangkan oleh Fornell dan Larcker (1981). Kesahihan yang dipertikaikan mengukur tahap pembezaan item di kalangan konstruk yang disiasat. Penilaian ia mempunyai matlamat untuk memastikan bahawa konstruk reflektif mempunyai hubungan yang paling kuat dengan penunjuknya sendiri (contohnya, berbanding dengan konstruk lain) dalam model PLS (Hair et al., 2017).

**Jadual 2: Kriteria Fornell-Larcker**

	<b>Pendekatan Motivasi</b>	<b>Kepuasan Pelajar</b>	<b>Kemahiran Guru</b>
<b>Pendekatan Motivasi</b>	0.798		
<b>Kepuasan Pelajar</b>	0.560	1.000	
<b>Kemahiran Guru</b>	0.721	0.638	0.810

Dalam pemuatan silang, penyelidik memeriksa pelbagai item untuk mengenal pasti item yang mempunyai beban yang tinggi pada konstruk dan item yang sama yang banyak dimuatkan pada beberapa konstruk. Oleh itu, untuk membuktikan kesahihan diskriminasi di peringkat item bermakna terdapat korelasi yang tinggi antara item dari konstruk yang sama dan korelasi yang sangat lemah antara item dari konstruk yang berbeza. Analisis ini mendapati bahawa setiap konstruk terpendam mempunyai pelbagai korelasi yang tinggi dengan konstraknya sendiri berbanding dengan konstruk lain, dengan tafsiran bahawa setiap konstruk dapat mewakili item masing-masing lebih daripada item konstruk lain secara individu, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.0 di bawah:

**Jadual 3: Muatan Silang**

	<b>Pendekatan Motivasi</b>	<b>Kepuasan Pelajar</b>	<b>Kemahiran Guru</b>
<b>B1</b>	0.575	0.499	0.794
<b>B2</b>	0.539	0.531	0.821
<b>B3</b>	0.608	0.441	0.813
<b>B4</b>	0.612	0.587	0.811



<b>B5</b>	0.824	0.449	0.618
<b>B6</b>	0.873	0.481	0.657
<b>B7</b>	0.686	0.409	0.427
<b>Kepuasan</b>	0.560	1.000	0.638

Manakala bagi hasil pekali laluan, adalah seperti yang ditunjukkan pada jadual 4.0 di bawah:

**Jadual 4:** Hasil analisis laluan

<b>Laluan konstruk</b>	<b>Hipotesis kajian</b>	<b>Statistik T</b>	<b>Nilai P</b>	<b>Keputusan</b>
<b>Kualiti Pendekatan Motivasi dan Kepuasan Pelajar</b>	<i>H1: Kualiti pendekatan motivasi mempunyai kesan terhadap kepuasan pelajar dalam kelas bimbingan Mualaf.</i>	1.943	<b>0.053</b>	<b>Tidak disokong</b>
<b>Kualiti Pendekatan Motivasi dan kemahiran guru</b>	<i>H2: Kualiti pendekatan motivasi mempunyai kesan terhadap kemahiran guru dalam kelas bimbingan Mualaf</i>	13.431	<b>0.000</b>	<b>Disokong</b>
<b>Kemahiran Guru dan Kepuasan Pelajar</b>	<i>H3: Kemahiran guru mempunyai kesan terhadap kepuasan pelajar dalam kelas bimbingan Mualaf.</i>	4.695	<b>0.000</b>	<b>Disokong</b>

Jadual 4.0 menunjukkan hasil pekali laluan yang memaparkan ketiga-tiga laluan iaitu kualiti pendekatan motivasi → kepuasan pelajar, kualiti pendekatan motivasi → kemahiran guru dan kemahiran guru → kepuasan pelajar. Daripada pengukuran melalui nilai T dan nilai P, hanya dua hubungan konstruk yang signifikan dengan masing-masing nilai P melebihi ambang 0.05 dan nilai T melebihi 1.96, iaitu kualiti pendekatan motivasi dan kemahiran guru, serta kemahiran guru dan kepuasan pelajar. Manakala hubungan kualiti pendekatan motivasi terhadap kepuasan pelajar adalah tidak signifikan pada ambang 1.96, menandakan bahawa ia tidak dapat menolak hipotesis nol (Hair et al., 2014; Sarstedt et al., 2022). Namun, pendekatan motivasi dapat meningkatkan kemahiran guru dengan nilai T yang paling tinggi (nilai T=13.431, nilai P=0.000) menandakan kekuatan hubungan faktor dan kesan antara kedua konstruk tersebut. Manakala kemahiran guru juga dapat memberi kesan terhadap kepuasan pelajar (nilai T=4.695). Ini juga menunjukkan bahawa pendekatan motivasi dan kepuasan pelajar mempunyai kesan yang tidak langsung melalui faktor pengantaraan kemahiran guru. Situasi di mana hubungan langsung tidak signifikan manakala hubungan melalui faktor pengantaraan adalah signifikan bermaksud ia merupakan pengantaraan penuh (Sarstedt et al., 2022). Kajian ini mendapati bahawa aktiviti permentoran dapat meningkatkan pengalaman dan bakat guru di dalam menyampaikan sesi pembelajaran sepanjang hayat yang lebih berkesan.

Interpretasi hasil analisis menunjukkan bahawa dalam kelas pembelajaran mualaf, kualiti pendekatan motivasi dan permentoran dapat meningkatkan kemahiran guru di dalam kelas. Walaupun ia tidak mempunyai hubungan yang signifikan terhadap kepuasan pelajar, namun dengan kemahiran guru yang tinggi, ia dapat meningkatkan kepuasan dan impak pembelajaran dalam kelas.

Kajian ini dapat mengketengahkan konsep bahawa pendekatan motivasi dan permentoran mempunyai impak di dalam kelas dalam mengasah kemahiran guru di dalam mengajar, mendidik, dan menguruskan pelajar-pelajar di kalangan mualaf. Dengan kemahiran guru yang tinggi, ia dapat meningkatkan hasil pembelajaran dalam kelas, di samping membantu Mualaf di dalam memahami seterusnya mengamalkan ajaran Islam tersebut di dalam kehidupan mereka.

## 5. Penutup

Kajian ini mendapati ketiga-tiga pemboleh-ubah kajian ini mempunyai perhubungan yang langsung dan tidak langsung melalui analisis PLS-SEM melalui kesahan validasi dan analisis pekali laluan. Tanggungjawab dan peranan yang dimainkan oleh mentor memberi pengaruh yang kuat dan signifikan kepada mentee atau para guru. Program pementoran memerlukan usaha yang sistematik, dirancang dengan teliti, kehendak kerjasama yang baik dan sokongan semua pihak, perubahan serta kemajuan yang positif daripada mentee akan mencapai matlamat objektif sesuatu program pendidikan di kalangan para muallaf.

## 6. Penghargaan

Kajian ini menyatakan penghargaan kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dengan tajaan geran penyelidikan bertajuk "Transformasi Sistem Pendidikan Muallaf Bersepadu Pasca Syahadah Di Malaysia"; Kod penyelidikan: 600-RMC/GPK 5/3 (125/2020).

## 7. Konflik kepentingan

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan kepada mana-mana individu atau pertubuhan dari segi kewangan dan kepentingan lainnya dalam penulisan ini.

## 8. Sumbangan penulis

Penyelidikan kajian ini, M.A.M.R dan M.I.A.M.A membuat perancangan kajian lapangan dan menyediakan data yang diperlukan. M.A, S.S.I dan S.S membuat sorotan literatur terhadap kajian-kajian lepas dalam pengenalan pasti permasalahan utama kajian, manakala F.A dan M.S.D.A.R membina kerangka teori kajian, membina instrumen, seterusnya membuat pengukuran kesahan data dan hipotesis dalam mendapatkan hasil kajian ini.

## 9. Rujukan

- Abdul Halim Tamuri. (2018). Ke Arah Memartabatkan Pendidikan Tahfiz di Malaysia. Seminar Tahfiz Aliran Perdana (STAB 2018) pada 11 Oktober 2018.
- Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid & Misnan Jemali. (2017). Pengajaran Akidah dalam Kalangan Muallaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM. *Jurnal Perspektif: Isu Khas 1* (2017) 89-100,
- Aqilah Abd Halim & Hasanah Abd Khafidz. 2018. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Fardhu Ain Golongan Muallaf Dewasa, At- Tahkim Vol. 8
- Fakhrul Adabi Abdul Kadir, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi & Rashidi bin Abbas (2012). Hubungan Akhlak Islam Dengan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. *Persidangan Pengurusan Sumber Manusia Kebangsaan 2012*. 5-6 /12/2012.
- Gail Manza. (2008). *Kit Alat - Cara Membina Program Mentor yang Berjaya Menggunakan Unsur-unsur Amalan Berkesan*. Amerika Syarikat: Perkongsian Mentor Nasional
- Hair, J. F., Sarstedt, M., Hopkins, L., & Kuppelwieser, V. G. (2014). Partial least squares structural equation modeling (PLS-SEM): An emerging tool in business research. *European Business Review*, 26(2), 106–121. <https://doi.org/10.1108/EBR-10-2013-0128>
- Sarstedt, M., Ringle, C. M., & Hair, J. F. (2022). Partial Least Squares Structural Equation Modeling. *Handbook of Market Research*, May 2020, 587–632. [https://doi.org/10.1007/978-3-319-57413-4\\_15](https://doi.org/10.1007/978-3-319-57413-4_15)
- Hudson, P. (2013). Mentor sebagai Pembangunan Profesional: 'Pertumbuhan untuk kedua-dua' Mentor Dan Mentee. *Pembangunan Profesional dalam Pendidikan*. Diakses dari <http://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/19415257.2012.749415>

- Ismail Mohamed et. al. (2014). Peranan Mentor dalam Program Bina Insan Guru, *Jurnal Personalia Pelajar* 17
- Ismail Mohamed, Soaib Asimiran, Shamsudin Ahmad & Shafee Mohd Daud, Sabariah Jusoh. (2014). Peranan Mentor dalam Program Bina Insan Guru. *Jurnal Personalia Pelajar* 17. Hlm 31-40
- Kamarul Azmi Jasmi, Noratikah Ibrahim & Mohd Faez Ilias. (2012). Gaya Pengajaran Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam, Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012).
- Kram KE. (1985). *Mentoring di tempat kerja: Hubungan pembangunan dalam kehidupan organisasi*. Scoot Foresman, Glenview, IL.
- Martinis, Y.(2007). *Jurnal Penyelidikan Dan Kajian Lanjutan Global Penyelidikan dan Kajian Pendidikan*. Cabaran melaksanakan kurikulum pendidikan dan latihan teknikal & vokasional,
- Mohd Azmi Mat Sah & Maimunah Ismail. (2003). Status Program Pembelajaran di Kalangan Saudara Baru: Satu Kajian Kes di Negeri Melaka, *Pertanika J. Soc, Sci. & Hum.*11 (1) : 81-95
- Mohd Hamdan Abdullah, Fariza Md. Sham, A'dawiyah Ismail. (2018). Pendekatan Motivasi Dalam Dakwah Remaja. Vol. 10, No 1, *Jurnal Hadhari : Jurnal Antarabangsa*
- Mohd Rashidi bin Omar, Nor Azizah binti Shamli & Saniah binti Mohammed Shahid. (2014). Metodologi Pengajaran dan Pembelajaran Menurut Perspektif Islam: Kebitaraan Rasulullah Sebagai Pendidik Konvensyen Kebitaraan Junjungan Mulia. *Konvensyen Kebitaraan Junjungan Mulia 2014: Kolej Komuniti Gerik Perak*
- Murihah, A., Ilias, M.F., Jasmi, K.A., Abdul Hafiz, A., & Arieff Salleh, R. (2016). Konstruksi Kemahiran Insaniah Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Melalui Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. Edisi Khas. Vol.3, No. 2-1 (Jun 2016). Hlmn. 56-72. e-ISSN 2289-7909.
- Noor Azlan Ahmad Zanzali & Lim Wee Mei. (2017). Bimbingan Oleh Guru Pembimbing Kepada Guru Pelatih UTM. Diakses dari <http://eprints.utm.my/id/eprint/10825/>.
- Noor Saliza Zainal, Zanirah Mustafa, Nor Asmira Mat Jusoh; Nurul Hidayah Awang @ Ab Rahman & Nurul Izzah Noor Zainan. (2019). Pendekatan Mentor Dalam Pembelajaran Asas Perbankan Islam. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial Kontemporari*, Vol. 3, Isu 1, Nov 2019. Hlm 48-55
- Noraini Mohamad, Mariam Abd Majid & Ain Natasha Omar. 2017. Metodologi Pengajaran Muallaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM (IDIP). *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. Vol.4.No.2
- Nor Adibah Ibrahim, Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (2015). Keperluan modul kaunseling standard kepada muallaf di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*. Vol. No. 3, Edisi Khas 2015, Halaman 115 hingga 129)
- Noor Amani Mohamed Hussin et. al., (2011). Pemantapan Modul Latihan kepada Tenaga Pengajar : Kajian Kes kepada Saudara Baru. Seminar Kebangsaan Peradaban dan Pemikiran Islam.
- Nor 'Ain Abdullah et. al. (2015). Peranan Program Pementoran dalam Meningkatkan Kejayaan Menti: Kajian Empirikal Amalan Komunikasi di Sebuah Universiti Awam Malaysia
- Nor 'Ain Abdullah et. al. (2015). Peranan Program Pementoran dalam Meningkatkan Kejayaan Menti: Kajian Empirikal Amalan Komunikasi di Sebuah Universiti Awam Malaysia
- Nor Ain Abdullah, Azman Ismail, Azmawaty Mohamad Nor, Norhafizah Abu Hasand & Oswatun Samate. (2020), Peranan Mentor Dalam Meningkatkan Hasil Kerjaya Mentee: Kes Sektor Awam Malaysia. *Jurnal Pengajian Nusantara*, Vol 5(1) hlm. 315-335.
- Nor Asimah Zakaria. (2010). Keberkesanan Bimbingan Guru Pembimbing Terhadap Latihan Mengajar Guru Pelatih UPSI. *Prosiding Persidangan Antarabangsa ke-4 mengenai Pendidikan Guru*; Sertai Persidangan UPI & UPSI Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010.
- Nor' Ain Abdullah , Azman Ismail , Mohd Fazir Abd Latif , Najihah Omar. (2015). Peranan program pementoran dalam meningkatkan kejayaan menti: Kajian empirikal amalan komunikasi di sebuah universiti awam Malaysia, *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 11 issue 10 (89 - 100) Isu bertema mengenai modal insan Malaysia – Isu dan cabaran
- Noraini Mohamad & Mariam Abd Majid. (2019). Pendekatan Dakwah Dalam Kaedah Pengajaran Kepada Muallaf. Diakses dari [https://www.researchgate.net/publication/340662020\\_Pendekatan\\_Dakwah\\_Dalam\\_Kaedah\\_Pengajaran\\_Kepada\\_Muallaf](https://www.researchgate.net/publication/340662020_Pendekatan_Dakwah_Dalam_Kaedah_Pengajaran_Kepada_Muallaf)

- Nurul Ashikin Md. Yatim, Chew Fong Peng & Zuraidah Abdullah. (2020). Tahap Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vo. 10, bil. 2 (Nov 2020).
- Othman, T. (2007). Seminar Pendidikan, Fakulti Pendidikan UTM Peningkatan Profesionalisme Perguruan. Penggunaan ICT Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kalangan Guru Sekolah Menengah Teknik Dan Vokasional: Sikap Guru, Peranan ICT Dan Kekangan / Cabaran Penggunaan ICT
- Rekha NK, Ganesh PM. (2012). Adakah mentor belajar dengan membimbing orang lain? *Jurnal Antarabangsa Mentoring dan Kejurulatihan dalam Pendidikan* 1(3)
- Saedah Siraj & Mohammed Sani Ibrahim. (2012). Standard Kompetensi Guru Malaysia. Diakses dari [https://www.academia.edu/13727679/Standard\\_Kompetensi\\_Guru\\_Malaysia](https://www.academia.edu/13727679/Standard_Kompetensi_Guru_Malaysia)
- Sabariah Jusoh. (2018). Persepsi, Amalan dan Keberkesanan Bimbingan Jurulatih Sisc+ dari perspektif guru bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – MyLEJ)*. Vol. 8, Bil. 1. Hivm 42-52
- Salwati Shafee, Zuraidah Abdullah & Simin Ghavifekr. (2019). Peranan Amalan Bimbingan Dalam Meningkatkan Pembelajaran Professional Guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. Bil. 6 Isu 1, hlm 1-26.
- Sandra Goss Lucas, Douglas A. Bernstein. (2005). *Mengajar Psikologi Langkah Demi Langkah* London: Lawrence Erlbaum Associates, Penerbit.
- Syed Ismail Syed Mustafa. (2013). Amalan bimbingan pengajaran pensyarah dan guru pembimbing dalam program mentoring praktikum serta impaknya terhadap kualiti guru pelatih. *Jurnal Pendidikan Malaysia*
- Wan Fadhlurrahman W. Md Rasidi et. al. (2020). Coaching Pengajaran Sebagai Pembelajaran Profesional Guru: Satu Tinjauan, *Asian People Journal* Vol. 3 (2)
- Wong Su Huong & Nur Ain Elzira Abdullah. (2018). Bimbingan Dan Pementoran Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (Sisc+) Menurut Perspektif Guru Dibimbing (Gdb). *Jurnal Antarabangsa Pendidikan, Psikologi dan Kaunseling*, 3(13), hlm 57- 72. 2018